



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 5 NOVEMBER 2018**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PETANI MOHON BANTUAN SELEPAS KERUGIAN BESAR AKIBAT BANJIR,NEGARA, KOSMO -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	PERANGKAP KAIN BIRU, SETEMPAT, HMETRO -9	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3.	EMPAT HARI JUAL TUJUH TAN BUAH, SETEMPAT,HMETRO-17	FAMA

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/11/2018	KOSMO	NEGARA	6

Petani mohon bantuan selepas kerugian besar akibat banjir

PASIR PUTEH – Petani di Kampung Tembila di sini mendakwa mengalami kerugian ratusan ribu ringgit selepas tanaman padi yang baru diusahakan sejak tiga hari hingga seminggu musnah ditenggelami banjir kilat semalam.

Kumpulan petani terbabit memohon bantuan khas dan bantuan bencana sebagaimana yang disediakan kerajaan sebelum ini diteruskan bagi membolehkan mereka mengusahakan semula tanaman padi selepas air kembali surut.

Wakil petani kampung itu, Wan Razali Wan Ismail, 62, berkata, petani baru sahaja menabur benih padi sejak tiga hari lalu di kawasan seluas lebih 820 hektar musnah begitu sahaja.

“Bencana itu mungkin berpunca daripada kegagalan pintu kawalan keluar masuk air (*tidal gate*) yang tidak dikendalikan dengan baik atau tidak berfungsi ketika hujan lebat yang berturutan. Pergerakan arus air merosakkan dan menghanyutkan benih yang baru ditabur.

“Petani terpaksa menanggung kos benih tanpa pulangan untung sebanyak lebih RM30,000 tidak termasuk kos membajak,” katanya ketika ditemui pemberita selepas mengadakan perhimpunan menuntut bantuan ganti rugi di bendang Tembila di sini semalam.

Sementara itu, seorang wakil penduduk, Gani Hussin, 61, berkata, bantuan bencana alam perlu disalurkan oleh kerajaan Persekutuan kerana banyak peralatan pertanian yang rosak.

Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian (IADA) Kemasin-Semerak, Nik Hamadi Nik Abdullah ketika dihubungi berkata, banjir kilat di kawasan itu berlaku apabila paras air daratan dan paras air sungai bertembung.

“Pada pukul 11 pagi baru pintu kawalan air boleh dibuka. Sekiranya, pintu *tidal gate* dibuka pada tempoh air pasang besar kemungkinan besar daerah ini mengalami banjir,” katanya.



SEBAHAGIAN petani memohon bantuan bencana daripada kerajaan Persekutuan selepas tanaman padi mereka rosak akibat banjir di Kampung Tembila, Pasir Puteh semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/11/2018	HMETRO	SETEMPAT	9

HARIAN METRO



Perangkap kain biru

ERWANAS menunjukkan perangkap mesra alam yang dicipta sejak 2012.

■ Institut Penyelidikan JPV Ipoh hasil ciptaan mesra alam untuk atasi masalah lalat

Ahmad Rabul Zulkifli
cnews@nstp.com.my

Kuala Terengganu

Masalah lalat yang membelenggu penternak di ladang ayam, kambing dan lembu kini boleh diatasi menerusi penggunaan perangkap lalat mesra alam.

Alat itu ciptaan terbaru Institut Penyelidikan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Ipoh, Perak menggunakan jaring dan kain biru sebagai umpan serangga terbabit.

Ketua Projek Erwanas Asmar Ismail berkata, alat itu dicipta sejak 2012 dan melalui proses penyelidikan sebelum di-stapkan sebagai satu produk baru awal tahun ini.

Katanya, alat itu melalui ujian percubaan di ladang ternakan dan berfungsi dengan baik untuk memerangkap lalat di kawasan berkenaan.

"Mengikut kajian dijalankan, kain biru memang menjadi tarikan utama lalat berbanding warna lain, jus-

teru kami jadikan kain biru ini sebagai umpan.

"Jumlah lalat yang mampu diperangkap tidak terhad, sebaliknya bergantung kepada saiz perangkap yang boleh diubah suai menjadi kecil atau besar.

"Alat ini menggunakan teknologi yang dipelajari dari Thailand, tetapi ditambah baik bagi memastikan ia lebih berkesan," katanya di Pejabat JPV Terengganu di sini, semalam.

Erwanas berkata, beliau yakin ciptaan baru itu akan membantu menangani masalah lalat di ladang yang dihadapi penternak ayam, kambing dan lembu.

Katanya, mereka tidak perlu lagi menggunakan bahan beracun atau kimia yang membahayakan pengguna dan memberi implikasi buruk kepada penternak serta ternakan.

"Memandangkan ia baru saja dipasarkan serta dalam proses pendaftaran hak cipta, kuantiti dikeluarkan terhad.

"Sebagai permulaan, kami hanya menyediakan 20 unit dan dijual dengan harga promosi iaitu RM300 seunit," katanya yang memberitahu serangan lalat akan lebih ketara selepas musim hujan.

Katanya, penternak yang berminat boleh menghubungi JPV Daerah atau Negeri untuk membuat tempahan.



JUMLAH lalat yang terperangkap bergantung kepada saiz perangkap yang boleh diubah suai.

FAKTA
Kain biru yang digunakan sebagai umpan menjadi tarikan lalat berbanding warna lain

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/11/2018	HMETRO	SETEMPAT	17

CIDB saran guna IBS dalam industri pembinaan

Kota Bharu: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) mahu pemain industri beralih secara beransur-ansur kepada Sistem Binaan Berindustri (IBS) demi mewujudkan kerja lebih cekap, pantas dan menjimatkan. Pengurus Besar Kanan Sektor Pembangunan Teknologi CIDB Datuk Elias Ismail berkata, laporan statistik merekodkan 289 pengetuar IBS di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak berdaftar dengan pihaknya setakat 31 Oktober lalu.

05-11-2018

setempat 17

HARIAN METRO

Empat hari jual tujuh tan buah

■ Pekebun raih pendapatan lumayan dalam Program Jualan Terus Dari Ladang

Mohd Rafi Mamat
cnews@nstp.com.my

Kuantan

Seorang pekebun berhasil menjual tujuh tan pelbagai jenis buah-buahan dalam masa empat hari penganjuran Program Jualan Terus Dari Ladang (TDL) di Kuantan Parade dekat sini, yang berakhir malam kelmarin.

Mohd Idris Ismail, 32, yang pertama kali menyertai program anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) berkata, sambutan diterima daripada pengunjung sangat menggalakkan dan dia berterima kasih kepada agensi berkenaan kerana menyediakan peluang seperti itu kepada pekebun sepertinya.

"Selain nanas jenis MD2 dan mangga susu turut dijual sepanjang program itu ialah jambu dan belimbing. Semua buah segar dibawa terus

dari ladang selain ditawarkan pada harga berpatutan menjadi faktor utama sambutan menggalakkan diterima daripada pengunjung.

"Kami turut menjual buah potong yang sedia dimakan pada harga antara RM2 dan RM3. Saya harap pihak FAMA Pahang terus mengada-

kan program TDL ke pasar raya di daerah ini kerana sambutan diterima begitu menggalakkan dan memberi pendapatan lumayan kepada peniaga," katanya yang turut mengusahakan tanaman jagung, labu dan nanas di Maran.

Dia yang juga peserta la-



PENIAGA menjual nanas MD2 pada program TDL ke pasar raya di Kuantan Parade.



MOHD Idris (dua dari kiri) melayan pelanggan yang merasa buah potong yang dijualnya.

dang kontrak FAMA Pahang berkata, sambutan diterima sepanjang program TDL itu menambahkan lagi semangatnya menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancangan Agro Antarabangsa (MAHA) 2018 di Serdang, Selangor bulan depan.

Sementara itu, Penolong Pegawai Ehsan Ekonomi FAMA Pahang Razi Ruslan berkata, peniaga yang ingin menyertai aktiviti jualan di bawah program

TDL ke pasar raya terdiri daripada peserta ladang kontrak FAMA.

"Kami membantu usahawan yang berminat menyertai program terabit bagi memastikan mereka dapat memasarkan produk masing-masing seterusnya meraih pendapatan memuaskan.

"Ada lebih 326 pekebun berdaftar sebagai peserta ladang kontrak dan mereka layak mendapat pelbagai kemudahan serta bantuan disediakan FAMA," katanya.

FAKTA
Ada lebih 326 pekebun berdaftar sebagai peserta ladang kontrak bersama FAMA